



PROSIDING
SEMINAR
PENYELIDIKAN
IYRES 2016

MENERAJUI PENYELIDIKAN, MENEMPA PERUBAHAN





KATA ALUAN

MENTERI BELIA DAN SUKAN

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan tahniah diatas kejayaan menghasilkan kompilasi kertas kerja yang telah dibentangkan pada Seminar Penyelidikan IYRES 2016. Dokumentasi ini merupakan naskhah penting yang boleh dijadikan panduan dan rujukan oleh semua pihak khususnya pemegang taruh pembangunan belia di negara ini.

Umum telah mengetahui dan mengakui bahawa penyelidikan merupakan tunjang kepada pembangunan serta perkembangan tamadun manusia. Ini kerana penerokaan ilmu baru dan penemuan hasil kajian mampu untuk menyerlahkan realiti sesuatu situasi dan membantu dalam penyelesaian isu yang pelbagai. Selain itu, melalui penyelidikan juga, sesuatu ciptaan baru atau pembangunan melalui inovasi dapat dilaksanakan dan berupaya membawa perubahan kepada generasi belia. Justeru, hasil penyelidikan yang diperolehi perlu disebarluaskan kepada umum dan salah satu daripadanya melalui pelaksanaan seminar.

Seminar penyelidikan yang telah dilaksanakan oleh IYRES menyokong dan membudayakan amalan penyelidikan, pembangunan, inovasi dan penerbitan. Ia menjadi medan perbincangan para ilmuwan secara intelektual mengenai isu dan fenomena berkaitan pembangunan belia serta dilihat sebagai ruang bagi melonjakkan kepentingan hasil sesuatu penyelidikan bagi memahami golongan belia dengan lebih dekat.

Justeru itu, prosiding ini dihasilkan dengan harapan agar dapatannya dijadikan sebagai input kepada pelbagai pihak khususnya penggubal dasar termasuk perancang dan pelaksana program pembangunan belia. Ini penting memandangkan penggubalan dasar dan perancangan program yang dianjurkan oleh pihak kerajaan seharusnya dilaksanakan berdasar kepada penyelidikan yang menyeluruh ataupun evidence based dan bukan hanya bergantung kepada andaian atau pemantauan kasar semata-mata. Semoga usaha murni ini dapat membantu memantapkan hala tuju pembangunan negara khasnya berkaitan generasi belia di negara ini.

YB BRIG. JEN KHAIRY JAMALUDDIN

Menteri Belia dan Sukan

Kementerian Belia dan Sukan Malaysia



KATA ALUAN **KETUA SETIAUSAHA** **KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah dan setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan atas kejayaan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) menganjurkan Seminar Penyelidikan IYRES 2016 hingga menghasilkan dokumentasi bahan-bahan hasil pembentangan kajian yang diterbitkan sebagai Prosiding Seminar Penyelidikan IYRES 2016. Penghasilan dokumen ini memberi ruang kepada semua pihak untuk sama-sama menyelami isu serta permasalahan dalam kalangan belia di negara ini secara ilmiah.

Kementerian Belia dan Sukan sentiasa komited untuk terus meneraju segala inisiatif pembangunan belia di Malaysia. Fokus dan hala tuju utama program-program pembangunan belia diselaraskan kepada 8 kelompok kumpulan sasar, dengan harapan ia dapat membantu menyerlahkan potensi belia di dalam mana-mana bidang keutamaan di bawah Dasar Belia Malaysia. Namun, segala usaha dan inisiatif ini hanya akan dapat dilaksanakan dengan cemerlang sekiranya usaha bersepadu melibatkan pelbagai pihak pemegang taruh dapat dimantapkan.

Sehubungan itu, adalah diharapkan agar Prosiding Seminar Penyelidikan IYRES 2016 ini dapat dijadikan panduan dan diaplikasikan oleh pelbagai pihak dalam penggubalan dasar dan polisi, serta dalam merangka program-program pembangunan belia, selaras dengan hala tuju Dasar Belia Malaysia.

DATO' LOKMAN HAKIM ALI

Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan Malaysia



KATA ALUAN

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA

Assalammualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Seminar Penyelidikan IYRES 2016 bertujuan membuka peluang kepada penyelidik-penyelidik untuk membentangkan hasil penyelidikan yang telah dilaksanakan dan memberi ruang perbincangan kepada pemegang taruh pembangunan belia berhubung isu-isu semasa generasi muda. Melalui seminar ini hubungan serta sinergi yang bersepadu dapat dilaksanakan antara penyelidik, pembuat dasar, pentadbir, perancang dan pelaksana bagi membincang secara ilmiah bagi meningkatkan inisiatif untuk pembangunan diri generasi muda.

Pemilihan tema Menerajui Penyelidikan, Menempa Perubahan adalah selaras dengan matlamat utama IYRES untuk menjadi sebuah pusat rujukan utama berkaitan hal-hal pembangunan belia di Malaysia. Penyelidikan yang dilaksanakan sentiasa membawa kepada penemuan-penemuan baru yang perlu dikongsi dan diambil tindakan lanjut.

Prosiding seminar yang dihasilkan ini menghimpunkan pembentangan hasil-hasil kajian yang merangkumi empat sub tema iaitu: merungkai dan mendepani permasalahan sosial belia; membangunkan aset dan potensi belia; belia dan isu antarabangsa; dan hala tuju belia (polisi dan dasar). Selain itu, prosiding ini juga merumuskan keseluruhan keempat-empat tema untuk membantu pemegang taruh pembangunan belia dalam merangka strategi yang berkesan bagi membangunkan program-program dan aktiviti bersesuaian yang ke arah menyerlahkan potensi dan pembangunan diri generasi muda.

Saya bagi pihak jawatankuasa seminar ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diatas penglibatan pembentang-pembentang kertas kerja, moderator dan peserta di atas sokongan di dalam menjayakan seminar ini. Semoga prosiding ini dapat dijadikan panduan di dalam merungkai inisiatif membangunkan generasi muda. Akhir kata, terima kasih di atas kerjasama semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan pelaksanaan seminar dan penyediaan prosiding ini.

DR. ZAINAH SHARIFF

Ketua Pegawai Eksekutif

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia